

TEKS UCAPAN

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan
Kali Ke-30

Pada hari Selasa, 7 Rabiulawal 1433H
bersamaan 31 Januari 2012M

Jam 2.30 petang

Di Banquet Hall,
Pusat Persidangan Pertahanan
Antarabangsa BRIDEX,
Jerudong,
Negara Brunei Darussalam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah kita dapat hadir dalam acara petang ini iaitu Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kebangsaan Kali Ke-30. Ianya acara yang rutin, biasa dan sudah lazim dianjurkan setiap tahun.

Namun demikian acara ini setentunya sangat bermakna kepada mereka yang telah memohon menjadi rakyat dan berjaya mendapatnya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh undang-undang.

Saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kerana tidak sahaja dapat menganjurkan majlis ini bahkan selama setahun sejak acara penyampaian sijil-sijil kerakyatan tahun lalu, Jabatan berkenaan telah mengambil inisiatif yang perlu dalam memproses permohonan-permohonan. Demikian juga kepada Lembaga Bahasa yang menjalankan ujian dan peperiksaan kelayakan bahasa Melayu.

Hasil dari langkah kemas kini prosedur yang diambil itu, saya diberi jaminan bahawa tidak lagi ada istilah menunggu beberapa tahun untuk tujuan menduduki ujian bahasa Melayu secara bertulis. Persiapan telah ditambah untuk mengadakan ujian, tidak seperti sebelumnya.

Demikian juga langkah mengutamakan pemohon-pemohon yang terdiri daripada penduduk tetap yang *stateless*.

Pada tahun lepas (2011) dari seramai 908 orang yang menduduki ujian bahasa Melayu ada seramai 762 orang (84%) adalah penduduk tetap yang *stateless*.

Dan pada masa ini (dalam tahun 2012) setakat ini telah tersenarai seramai 615 orang *stateless* (85.9%) dari sejumlah 716 orang pemohon-pemohon untuk mendapat kerakyatan akan menduduki ujian bahasa Melayu.

Jumlah calon-calon akan bertambah dari semasa ke semasa menurut kecepatan proses lain yang berkaitan iaitu tidak sahaja berkaitan dengan kelayakan bahkan yang terpentingnya juga ialah kesesuaian calon untuk menjadi rakyat yang baik.

Maka begitulah petang ini tuan-tuan dan puan-puan seramai 449 orang akan menerima Sijil Taraf Kebangsaan masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan juga sebelum ini telah mengikuti induksi yang berupa taklimat-taklimat oleh Jabatan Adat Istiadat Negara, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Jabatan Penerangan.

Ini adalah juga termasuk usaha dan langkah yang diambil oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftar Kebangsaan supaya dari tuan-tuan dan puan-puan yang diberikan taraf kerakyatan tidak sahaja memahami Brunei yang berpemerintahan beraja, kuat berpegang kepada Islam dan adat istiadat, bahkan supaya tuan-tuan dan puan-puan berkehidupan sebagai orang Brunei.

Artinya tuan-tuan dan puan-puan adalah disahkan sebagai penduduk Brunei yang bertaraf rakyatnya.

Tidak lagi setakat sebagai penduduk tetap negara ini yang bertaraf warga negara asing.

Dan tidak lagi setakat berstatus penduduk tetap yang *stateless*, yang tiada menjadi warga negara mana-mana negeri yakni tidak berkerakyatan langsung.

Maka dengan diberikan taraf kerakyatan, sama ada secara pendaftaran atau pun secara penuangan, jadilah tuan-tuan dan puan-puan *orang Brunei, rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*.

Itulah maknanya Sijil Taraf Kerakyatan yang tuan-tuan dan puan-puan akan terima setelah memohon menjadi rakyat negara ini menurut undang-undangnya.

Oleh yang demikian tuan-tuan dan puan-puan seterusnya berikrar bahawa tuan-tuan dan puan-puan akan bertaat setia kepada Brunei dan kepada rajanya.

Yakni: Tuan-tuan dan puan-puan bersumpah menjadi rakyat Brunei.

Bertanah airkan negara Brunei Darussalam.

Berketua dan berpemimpinkan rajanya yang memegang kuasa tertinggi memerintah negara kita yang tercinta ini.

Kepada baginda itu tuan-tuan dan puan-puan curahkan kasih sayang.

Tuan-tuan dan puan-puan sentiasa bersemangat taat setia sebagai rakyat yang menjunjung tinggi kepimpinan negara berpemerintahan beraja.

Menerima dan menjadikan Brunei yang berkonsep dan berfalsafahkan negara Melayu Islam Beraja ini satu-satunya tanah air untuk selama-lamanya dan akan menjadi tanah air kepada zuriat keturunan tuan-tuan dan puan-puan seterusnya.

Itulah kenyataan yang sebenarnya.

Akta Taraf Kebangsaan tahun 1961 sudah dikuatkuasakan selama lima puluh tahun. Sepanjang tempoh lima puluh tahun itu ada seramai 43271 orang telah diberikan taraf kerakyatan. Generasi awal yang menjadi rakyat menerusi proses undang-undang itu setentunya disusuli oleh generasi penerusnya. Dan generasi penerus itu juga dijangkakan sudah ada bakal penyusulnya.

Ringkasnya: lima puluh tahun itu menyaksikan tiga generasi rakyat Brunei, iaitu generasi datuk-nenek, kepada generasi anak-pinak dan seterusnya generasi anak-cucu.

Demikian itulah rakyat Brunei. Selain terdiri daripada rakyat mutlak menurut undang-undang iaitu tujuh puak jati rakyat asal terdapat pula rakyat secara pendaftaran dan penuangan iaitu orang-orang seperti tuan-tuan dan puan-puan.

Namun kenyataannya ialah kesemua kita sama-sama bertanah airkan negara MIB ini.

Kesemua kita yang menjadi rakyat Brunei adalah berkebangsaan Brunei yang MIB.

Maka itulah tali yang halus namun kukuh yang mengikat kita di antara satu dengan yang lain bahawa kita – iaitu rakyat Brunei - adalah beridentitikan indentiti sosial politik Brunei yang MIB.

Anak cucu kita pada masa akan datang juga akan berkebangsaan Brunei, beridentitikan negara MIB.

Itulah yang ditanamkan dalam sistem pendidikan negara.

Itulah yang dikembang suburkan melalui bidang-bidang kemasyarakatan.

Dan itulah yang kita sebutkan sebagai sikap dan cara kita mencapai dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 bahawa ***“kita bersatu dalam *kesetiaan kepada Sultan dan Negara, *keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan *Keharmonian sosial serta amalan tradisi terbaik-baik.***

Oleh yang demikian kita berkewajipan – sebagai rakyat yang taat setia kepada Brunei dan rajanya – memelihara identiti kebangsaan kita itu.

Kita memeliharanya berarti juga kita menjanjikan kepada diri kita bahawa kita tidak akan mencampur adukkannya dengan unsur-unsur yang tidak serasi dengan Brunei.

Kita memeliharanya berarti juga kita mengajak orang lain, bukan rakyat negara ini, untuk memahami pendirian kita, aspirasi sebenar kita dalam bernegarakan Brunei yang MIB.

Maka itulah yang tuan-tuan dan puan-puan wajib ingati selalu. Kerana bilangan orang-orang seperti tuan-tuan dan puan-puan yang akan diterima menjadi rakyat masih ramai.

Tempoh kelamaan tinggal di negara ini yang dipersyaratkan itu adalah bertujuan menentukan kesesuaian tuan-tuan dan puan-puan untuk hidup serasi di negara ini sebagai rakyatnya.

Kerana itu pula disyaratkan berkelayakan dalam berbahasa Melayu.

Artinya tuan-tuan dan puan-puan menerima hakikat kemelayuan Brunei selain keislamannya dan kebisaian adat istiadatnya, walaupun tuan-tuan dan puan-puan bukan orang Melayu dan bukan beragama Islam.

Apa yang dijangkakan daripada tuan-tuan dan puan-puan ialah perasaan berkerakyatan Brunei setelah sebelumnya tidak mempunyai taraf kerakyatan mana-mana negara, *stateless* atau setelah sebelumnya berwarga negara asing.

Tentu sahaja tuan-tuan merasa syukur dan bangga. Maka syukurilah ne'mat menjadi rakyat Brunei dengan mempergunakannya sebaik yang mungkin, tidak mensesiakannya. Banggakanlah tanah air Brunei ini dengan berkehidupan yang selayaknya sebagai rakyat yang baik.

Saya ucapkan selamat dan tahniah.

Terima kasih.

*Wabillahit taufeq walhidayah. Wassalamu 'alaikum
warahmatullahi wabarakatu.*

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan,
Isnin, 6hb Rabiulawal 1433/30hb Januari 2012.